

Tarikh Dibaca: 26 JAN 2018M I 09 JAMADILAWAL 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“RASUAH DIJAUHI HIDUP DIBERKATI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Timbalan Pengarah (Operasi), Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Pesara Kerajaan**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**



“RASUAH DIJAUHI HIDUP DIBERKATI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ
وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ
بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia lagi berkat ini, marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“RASUAH DIJAUHI HIDUP DIBERKATI”**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah.

¹ Al-Baqarah : 188



Amalan rasuah boleh membinasakan sesebuah Negara mahupun sesebuah tamadun bangsa itu sendiri. Rasuah yang berleluasa boleh menghakis sistem keadilan dan nilai-nilai murni, menindas rakyat serta menggugat pemerintahan secara demokratik. Di samping itu, jenayah rasuah juga akan melahirkan keperibadian yang buruk lagi hina kerana rela menggadai maruah agama dan umat Islam demi mengejar wang ringgit, pekerjaan, jawatan, pangkat, hadiah dan sebagainya.

Rasuah adalah suatu pemberian yang diberikan kepada seseorang untuk membenarkan sesuatu yang salah atau membatalkan sesuatu yang benar. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai pemberian sama ada dalam bentuk harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperolehi sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi pihak yang lain.

Di sisi agama, rasuah adalah tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar, kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Walaupun rasuah adalah perbuatan yang keji dan berdosa, namun mengapa ia masih berleluasa dalam kalangan masyarakat kita? Adakah kita lupa bahawa rezeki yang diperolehi daripada sumber rasuah adalah rezeki yang haram dan tidak berkat? Tergamakkah seseorang itu membawa pulang rezeki yang haram kepada ibu bapanya? Kepada isteri dan anak-anaknya di rumah?



Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah Radiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنَ السُّحْتِ، وَكُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنَ السُّحْتِ، كَانَتْ النَّارُ أَوْلَى بِهِ.

"Tidak masuk syurga daging yang tumbuh daripada sumber yang haram. Dan setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, neraka adalah lebih utama baginya".

(Riwayat al-Hakim).

Hadis ini menunjukkan kepada kita akan bahaya rasuah kepada ahli keluarga dan masyarakat. Hasil yang diperolehi daripada sumber rasuah, jika dibelanjakan untuk menyara keluarga seperti membeli makanan, air minuman dan keperluan asas yang lain akan mengundang mudharat dan azab yang pedih.

Rasuah juga menyebabkan tertolaknya ibadah dan doa kerana menggunakan sumber yang haram. Alangkah ruginya kita disebabkan perbuatan keji ini, ibadah dan doa kita menjadi sia-sia serta terhalang daripada mendapat rahmat Allah SWT.

Ahli keluarga dan anak-anak yang membesar dengan sumber yang haram bukan sahaja tidak akan mendapat kebahagiaan dan keberkatan di dunia dan akhirat, bahkan hatinya gelap dan keras serta jiwanya mudah memberontak dan cenderung kepada perkara-perkara yang haram.

Menurut Indeks Persepsi Rasuah 2016, Malaysia berada pada kedudukan ke-55 daripada 176 buah negara di dunia. Tangkapan demi tangkapan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Mengikut statistic daripada laman web SPRM untuk tahun 2017 sahaja Suruhanjaya Pencegahan



Rasuah Malaysia (SPRM) telah merekodkan sebanyak 860 tangkapan bagi kesalahan rasuah.

Hal ini amat membimbangkan kerana sebagai sebuah negara umat Islam, amalan rasuah sepatutnya tidak berleluasa dalam kalangan masyarakat. Ini kerana Rasulullah SAW sendiri melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah sebagaimana yang telah diriwayatkan di dalam sepotong hadis daripada Abdullah Bin Amru Radiallhu Anhuma beliau berkata bahawa:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ.

"Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah".

(Riwayat al-Tirmizi).

Dalam hadis lain daripada Abdullah Bin Amru Radiallahu Anhuma bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Pemberi rasuah dan penerima rasuah masuk ke neraka".

(Riwayat al-Thobarani).

Muslimin yang dirahmati Allah.

Antara punca utama berlakunya gejala rasuah adalah sifat tamak dan haloba yang menguasai diri. Gaya hidup mewah dan bermegah-megah yang melanda masyarakat hari ini, mendorong manusia untuk mencari kekayaan dengan jalan yang haram. Segalanya sanggup dikorbankan untuk menikmati hidup yang penuh dengan kemewahan dan mendapatkan sesuatu kepentingan mahupun kedudukan dengan cara yang mudah.

Dalam situasi ini, iman dan Islam seakan-akan boleh dijual beli. Tidak sedikit pun terdetik rasa benci dan jijik di dalam hati ketika memberi



dan menerima rasuah. Asalkan sahaja tercapai matlamat yang dihajati. Pada ketika ini juga, manusia seolah-olah terlupa dan tidak takut dengan azab Allah. Apabila melihat wang ringgit, kedudukan, pangkat dan faedah yang dihamparkan di depan mata, perkara halal dan haram bukan lagi menjadi ukuran yang utama.

Ingatlah bahawa sifat tamak dan haloba kepada harta dan kemewahan dunia ini memang tidak akan ada titik penghujungnya. Manusia yang gagal mengawal hawa nafsu mereka akan sentiasa tidak pernah cukup dan bersyukur dengan apa yang mereka ada. Mereka lupa bahawa rasuah akan mengundang kesan yang amat buruk. Antaranya:

1. Mendapat laknat daripada Rasulullah SAW.
2. Menjatuhkan maruah diri dan keluarga.
3. Menimbulkan permusuhan.
4. Menghancurkan Negara.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama memerangi dan menjauhi rasuah. Buanglah sifat tamak dan haloba di dalam diri. Dan semaikan sifat syukur atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada kita. Sesungguhnya sesiapa yang tidak bersyukur dengan yang sedikit, pasti tidak akan dapat bersyukur dengan yang banyak. Yakinlah bahawa orang yang bersyukur, akan mendapat rezeki yang berkat dan berlipat ganda lagi daripada Yang Maha Kuasa. Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ

إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-



Ku kepada kamu, dan Demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, kahtib ingin menegaskan:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa melaksanakan segala perintah Allah akan mendapat balasan syurga dan melanggar perintah Allah akan dimasukkan ke dalam neraka.
2. Umat Islam wajib menjauhi perkara-perkara yang haram seperti memberi dan menerima rasuah kerana ia adalah merupakan dosa besar.
3. Umat Islam perlu menghindari sebarang bentuk perlakuan rasuah kerana Rasulullah SAW sendiri melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah.
4. Umat Islam hendaklah bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa untuk memerangi dan membanteras segala bentuk rasuah.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

(al-Tahrim : 6).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Azman/Nurul

19.01.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dan istiqamah dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negeri umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu setiap hari, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
